# GARIS PANDUAN
# GERAN PENYELIDIKAN FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN 2022

*(Terpakai untuk semua geran penyelidikan fakulti pengurusan dan perniagaan yang aktif)*

## Visibility Research Grant

PROFESSOR DR. [illegible] AHMAD
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
UiTM Kampus Puncak Alam
42300 Bandar Puncak Alam, Selangor

# Objektif Geran

Geran ini diwujudkan untuk menggalakkan aktiviti penyelidikan dikalangan warga Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP). Geran ini bertujuan untuk memberi peluang kepada penyelidik-penyelidik muda di FPP untuk mempertingkatkan ketampakan penyelidik FPP diperingkat nasional dan antarabangsa melalui kumpulan penyelidikan berskala kecil dan memfokuskan kepada bidang ekonomi dan ekonometrik.

Geran ini juga bertujuan meningkatkan ketampakan penyelidikan melalui kolaborasi penyelidik FPP dan penyelidik dari industri bagi mencapai Indeks Prestasi Utama (KPI) penyelidikan pensyarah dan seterusnya, membantu mempertingkatkan skor MyRA dan SETARA fakulti.

# Syarat - syarat Permohonan(*Economics and Econometrics*)

1. Pemohon adalah warga Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP), UiTM Puncak Alam tetapi tajuk mestilah menjurus ke arah ***QS by subject economics and econometrics***
2. Ketua penyelidik tidak memiliki geran penyelidikan FPP yang aktif pada tahun 2022. **Ahli-ahli yang mempunyai geran penyelidikan FPP dan belum mencapai KPI geran tersebut (penerbitan artikel) adalah dilarang untuk memohon geran ini.**
3. Ahli kumpulan mestilah tidak melebihi dari 4 orang (termasuk PI), tidak termasuk ahli luar negara/ industri. Ahli kumpulan mestilah terdiri daripada disiplin yang berbeza (*Multidiciplinary*). Contoh, Kewangan dan Pemasaran, Pengurusan Operasi dan Perkhidmatan Pelanggan dan lain - lain.
4. Sekurang-kurangnya 1 ahli kumpulan digalakkan dari kalangan **Denominator Berpotensi (DP)** pada tahun 2022 (Rujuk Koordinator Penyelidikan bagi senarai nama DP).
5. **Kumpulan pemohon mestilah bersedia menerima ahli penyelidik daripada universiti luar negara yang akan ditentukan oleh fakulti.** Rasionalnya ialah bagi melebarkan jaringan kerjasama di antara penyelidik dari FPP dan kolaborator luar negara.
6. Hasil penyelidikan yang dicadangkan mestilah mempunyai hasil impak yang tinggi (sekurangnya kurangnya 1 artikel diterbitkan di jurnal berindeks – **Scopus/WoS sahaja**).
7. Keutamaan diberi kepada tajuk yang boleh menghasilkan hak cipta (copyright) daripada penyelidikan ini.
8. Keutamaan diberikan kepada permohonan dari **kumpulan RFG berdaftar**.
9. Jumlah geran yang dimohon tidak melebihi dari **RM5,000**
10. Tempoh penyelidikan adalah 2 tahun sahaja.

# Syarat - Syarat Permohonan(*Research Buddy*)

1. Pemohon adalah warga Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP), UiTM Puncak Alam yang baru memulakan perkhidmatan dalam **tempoh kurang dari 3 tahun.**
2. Ketua penyelidik (**PI**) adalah pensyarah yang baru memulakan perkhidmatan di Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Puncak Alam dalam **tempoh kurang dari 3 tahun**. Ketua penyelidik tidak memiliki geran penyelidikan FPP yang aktif pada tahun 2022. **Ahli-ahli yang mempunyai geran penyelidikan FPP dan belum mencapai KPI geran tersebut (penerbitan artikel) adalah dilarang untuk memohon geran ini.**
3. Ahli kumpulan mestilah tidak melebihi dari 4 orang yang terdiri daripada **1 Principal investigator** (pensyarah baru); dan **3 *buddy*** (sekurang-kurangnya seorang pensyarah senior yang telah berkhidmat melebihi 3 tahun) yang mempunyai PhD. Ahli kumpulan mestilah daripada disiplin yang berbeza *(Multidiciplinary)*. Contoh, Kewangan dan Pemasaran, Pengurusan Operasi dan Perkhidmatan Pelanggan dan lain - lain.
4. **Kumpulan pemohon mestilah bersedia menerima ahli penyelidik daripada universiti luar negara yang akan ditentukan oleh fakulti.** Rasionalnya ialah bagi melebarkan jaringan kerjasama di antara penyelidik dari FPP dan kolaborator luar negara.
5. Hasil penyelidikan yang dicadangkan mestilah mempunyai hasil impak yang tinggi (sekurangnya kurangnya 1 artikel diterbitkan di jurnal berindeks – **Scopus/WoS sahaja**).
6. Keutamaan diberi kepada tajuk yang boleh menghasilkan hak cipta (copyright) daripada penyelidikan ini.
7. Keutamaan diberikan kepada permohonan dari **kumpulan RFG berdaftar**.
8. Jumlah geran yang dimohon tidak melebihi dari **RM5,000**
9. Tempoh penyelidikan adalah 2 tahun sahaja.

# Carta Alir Permohonan



| CARTA ALIR | TINDAKAN |
|---|---|
| Membentuk kumpulan Penyelidikan | PI |
| Mendapatkan borang permohonan geran penyelidikan Fakulti | PI |
| Menyiapkan kertas kerja cadangan penyelidikan menggunakan borang yang disediakan | PI & Ahli |
| Menghantar borang permohonan yang lengkap melalui *Google form*. | RC |
| RC akan memastikan syarat-syarat permohonan lengkap dan dipenuhi. Sekiranya tidak lengkap, borang permohonan akan dipulangkan kepada PI. | RC |
| Borang permohonan dihantar kepada AJK Unit Penilai (AUP) melalui *Google Form* yang disediakan. | RC & AUP |
| Borang permohonan akan dinilai oleh AUP. | AUP |
| AUP akan menghantar hasil penilaian ke *Google Form* yang disediakan | AUP & RC |
| Pemakluman keputusan penilaian AUP. | **TD P&I** |

# Pembahagian Peruntukan 'Vote' Geran

## Geran RM5000

1. Vote 21000 = Sila cadangkan (Travelling Expenses and Subsistence: contoh, ***kos perjalanan dan yang berkaitan).***
2. Vote 23000 = Max RM700 (Communications & Utilities: contoh, ***pengumpulan data (agihan borang kaji selidik) dan pembayaran lesen perisian analisa dan bantuan penyelidikan*** iaitu ***Smart-PLS, SAS, SPSS. Eviews, Stata, ATLAS.ti, Grammarly, Quillbot*** (Hanya perisian ini yang dibenarkan).
3. Vote 27000 = Max RM900 (Research Material and Supplies: contoh, ***Cartridge* (RM300), *Buku rujukan berkaitan penyelidikan* (RM400), *perisian anti-virus* (RM200). *Alat tulis tidak dibenarkan.***
4. Vote 29000 = Sila cadangkan (Special Services: contoh, ***"proofreading" dan pembayaran yuran penerbitan, konferensi, ToT, Innovation, Invention & Design Competition (IID), Copyright registration to MyIPO, Honorarium untuk pembantu penyelidik tidak melebihi RM 1,500).***

PROFESSOR DR. NORYATI AHMAD
Dekan
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
UiTM Kampus Puncak Alam
42300 Bandar Puncak Alam, Selangor

# AJK Unit Penilai (AUP) Geran Penyelidikan FPP

***Pengerusi:*** **Profesor Madya Dr. Amirul Afif bin Muhamat (Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi)**

***Panel penilai FPP:***

Atas lantikan pada tahun semasa.

# Peranan AUP

- Menilai kertas cadangan penyelidikan bagi tujuan permohonan geran dalaman fakulti.

- Menilai artikel hasil penyelidikan bagi tujuan pembentangan di konferensi/seminar/symposium atau penerbitan di jurnal berindek/tidak berindek.

# Proses Perlaksanaan Duit Geran

- Pemohon **(ketua projek/ahli projek)** perlu menghantar borang "*Checklist*" *dan* pendahuluan/tuntutan sekiranya ingin memohon duit geran bagi tujuan projek penyelidikan yang telah diluluskan.
- Setiap borang dan resit asal yang berkaitan perlu ditandangani oleh pemohon dan disahkan oleh Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi.
- Borang berkenaan yang telah ditandangani dan disahkan perlu dihantar ke Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (P&I) UiTM Cawangan Selangor (UCS).
- Jumlah yang dipohon/dituntut mestilah mengikut kadar Vote **(slide no 7)** yang telah ditetapkan.

# TERIMA KASIH